

09/09/2001

Usia bukan halangan menulis

Jamudin Idris

KELEBIHAN generasi penulis terdahulu tekun dengan dunia penulisan walaupun mereka tidak memiliki kelulusan tinggi. Hasilnya karya mereka mencabar karya generasi muda, walaupun tema yang dipilih berbeza.

Penulis sekarang, walaupun ramai berkelulusan ijazah Pengajian Melayu atau Persuratan Melayu, tetapi ramai yang tidak minat menulis. Kelulusannya dihala pada bidang lain.

Penulis generasi dulu juga kekurangan dalam serba serbi seperti ilmu bantu dan buku. Tiada yang membimbing mereka. Berbeza dengan sekarang kerana kursus diadakan sepanjang masa dan banyak buku rujukan tetapi agak sukar mencari penulis generasi baru yang gigih berkarya.

Lebih membanggakan generasi penulis terdahulu, walaupun sesetengahnya sudah berusia lebih 70 tahun tetapi terus gigih berkarya kerana bagi mereka menulis itu suatu ibadat.

Itulah pegangan hidup Affrini Adham. Walaupun usianya mencecah 74 tahun, November depan tetapi aktif menulis puisi. Tidak hairan apabila Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) menobatkannya sebagai Penyair Gapena 2000 sempena Hari Puisi Nasional yang lalu kerana sumbangan berterusan beliau dalam dunia puisi Malaysia sejak tahun 1946 hingga kini.

Affrini berkata, apabila mengingatkan bidang penulis dengan sambutan kemerdekaan negara, terbayang dalam ingatannya mengenai sebuah puisi hebatnya bertajuk "Malaya Pasti Merdeka".

"Kerana saya yakin Malaya pasti merdeka mendorong saya menghasilkan puisi pada sayembara pada 1955. Alhamdulillah, apa yang saya harapkan menjadi kenyataan," kata penyair yang ditemui pada Hari Sastera Ke-12 di Sarawak baru-baru ini.

Pada pertandingan itu, Affrini memenangi tempat pertama, Hassan Mohd Ali (pengarang novel Musafir) tempat kedua dan penyair Suhaimi Muhammad (penerima SEA Write Award) memenangi tempat ketiga. Puisi "Malaya Pasti Merdeka" dimasukkan dalam teks sastera Lukisan Zaman.

Dua tahun sebelum negara mencapai kemerdekaan, beliau dapat membayangkan negara ini pasti merdeka melihat kepada semangat yang ditunjukkan rakyat terhadap penjajah.

Pertandingan menulis puisi itu anjuran Majlis Belia Singapura disertai kira-kira 200 penulis dan sebagai pemenang Affrini menerima sebuah buku puisi dunia. Nama pemenang ditulis dengan tinta emas.

Affrini mendapat didikan di Sekolah Melayu Seberang Perak pada 1934, kemudian berpindah ke Sekolah Melayu Sungai Korok, Sekolah Melayu Baling dan Sekolah Melayu Sungai Petani hingga lulus darjah lima pada 1941.

Di samping itu, beliau mengikuti kelas agama pada sebelah petang dan pernah belajar bahasa Inggeris di Saberkas Free School, Alor Star dari 1947 hingga 1949.

Pengalaman kerjanya dari pemungut tiket di sebuah taman hiburan di Alor Star hingga kepada tugas sebagai kerani pelatih di ibu pejabat Seberkas dan bekerja di Bengkel JKR Kedah/Perlis.

Kini menjadi penulis sepenuh masa dan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Serbaguna Penulis Utara Malaysia Berhad.

Pembabitan Affrini dalam bidang penulisan bermula setelah rencana tulisannya disiarkan dalam Warta Negara pada 1946.

Affrini berkata, walaupun sudah tua, beliau berazam sekurang-kurangnya sebuah puisinya dapat dimuatkan dalam majalah sastera atau akhbar setiap bulan. Ini bererti dalam setahun, 12 puisi bermutu dapat dikumpul dan

dalam tempoh empat atau lima tahun, sebuah antologi puisi dapat dilahirkan.

Hasil kegigihannya dalam dunia penulisan, Affrini sudah menghasilkan banyak karya termasuk sebuah roman sejarah bertajuk "Pending Bersejarah" (1950) manakala dua manuskrip novelnya hilang dalam penerbitan.

Dua manuskripnya bertajuk "Gugurnya Kesuma Bangsa" dan "Pusara Sebagai Saksi" diserahkan kepada penerbit di Singapura. Bagaimanapun kerana berlaku peristiwa Natrah di Singapura, manuskrip itu hilang dalam simpanan penerbit. Affrini pula tidak membuat salinan pada manuskrip itu.

Dalam bidang puisi, Affrini menghasilkan antologi seperti "Ladang Cinta" (1990) dan "Sepantun Bendera Berkibar" yang diselenggarakan oleh Gapena.

Beliau juga menghasilkan 28 cerpen eceran, lebih 500 puisi, esei dan skrip drama bertajuk "Hujan Gerimis".

Dalam suasana sambutan kemerdekaan sekarang, Affrini berkata, satu kenangan yang sukar dilupakan apabila beliau menyertai bantahan Malayan Union di Padang Court, Alor Star pada 1946. Kira-kira 50,000 orang menyertainya dan menjadi perhimpunan terbesar di Malaya.

Tokoh penting yang menggerakkan orang ramai menyertai bantahan terhadap penjajah itu ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu masih belajar dan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Mohd Zahir Ismail.

Menariknya pada bantahan itu, orang kampung, kecil dan tua turut serta dan salah satu sependuk yang masih diingati berbunyi "Wahai ibu bapa, peliharalah watan kami, sementara kami besar".

Ketika itu, Affrini menjadi Ketua Kumpulan Pemuda Melayu Seberang Perak dan pada acara besar itu beliau ditugaskan di bahagian keselamatan.

Affrini berkata, walaupun ada sedikit perbalahan di kalangan orang Melayu ketika itu tetapi bila berdepan dengan penjajah semua bersatu hati dan ini mengejutkan Inggeris.

Menjelang kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 pula, perhimpunan diadakan di Alor Star. Penduduk luar bandar mula membanjiri Alor Star. Ada yang datang dengan basikal dan membawa bekal dari kampung. Ada juga yang menumpang tidur di masjid menanti perhimpunan pada malam itu.

Itulah perjuangan orang dulu. Pemimpin pula bertindak atas kehendak orang ramai tetapi pemimpin sekarang ramai yang bertindak sendiri dan memaksa orang ramai mengikutinya.

Dalam bidang penulisan, Affrini memegang prinsip menulis itu satu kerja seni dan bukan setakat hobi. Sebagai kerja seni, seseorang perlu gigih berusaha supaya kerjanya menjadi kenyataan.

Ibarat tukang emas, emas yang datang dalam bentuk ketulan. Seseorang tukang perlu gigih merubah emas menjadi lebih kecil dan memudahkan menghasil barangan siap seperti rantai, loket, gelang dan sebagainya.

Begitu juga penulis, memecah emas besar boleh disamakan dengan proses membaca. Daripada membaca, seseorang mendapat idea dan disebarikan melalui hasil tulisan.

Nasihat Affrini kepada penulis, rajinlah membaca, bergaul dengan penulis lama dan jangan rasa rendah diri kerana penulisan sebenarnya tidak bersandarkan kepada ijazah tetapi bakat yang dipupuk daripada pelbagai ilmu.